

dengan penyelewengan-penyelewengan tersebut, lantaran menyeleweng dari dasar-dasar “akidah tauhid” yang sebenarnya adalah membawakan seseorang itu menjadi kufur dan syirik. — *Wa al-‘iyādhū bi Allāhi min dhālik.*

(Sebenarnya penyelewengan dari segi “akidah” ini sering kali benar berlaku dalam masyarakat orang-orang Islam di tanah air kita ini. Seperti mempercayai kepada kekuasaan hantu syaitan yang boleh mendatangkan kebaikan dan mudarat, meminta sebarang pertolongan dari pohon-pohon kayu yang dianggap berpuaka, memuja-muja kubur yang disangka keramat dan sebagainya. — P)

Menyeleweng dari mempercayai dasar-dasar “akidah tauhid” yang sebenarnya itu dinamakan “*ittibā‘ al-hawā’*”, yakni mengikut kemahuan hawa nafsu. Mengikut kemahuan hawa nafsu itu ialah sesat dari kebenaran; orang-orang yang sesat dari kebenaran itulah yang dinamakan orang yang mengikut kemahuan hawa nafsu dan mereka selamanya tidak akan mendapat pertunjuk dari Allah.

Mempertahankan kesucian akidah dari sebarang penyelewengan serta berjuang untuk memperkembangkannya dengan hati yang jujur ikhlas, maka itu adalah kewajipan setiap orang Islam. Tegasnya setiap orang Islam wajib mempertahankan kesucian akidah yang dianutnya, ia wajib pula berjihad demi untuk meninggikan kalimah Allah, menegakkan syiar agama, memperkembangkan konsep pengajaran Islam dan mempertinggikan panji-panji keagungannya, sehingga dengan tersebarinya konsep pengajaran Islam di kalangan

umat manusia di seluruh alam jagat, maka akan terciptalah keadilan dan keamanan dalam masyarakat hidup seluruh umat manusia. Dengan berpegang teguh kepada pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh setiap orang Islam yang mengakui keesaan Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* dan kenabian Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dengan segenap hati dan sepenuh jiwa raganya. Ini memang telah diberikan jaminan oleh Allah di dalam firman-Nya yang berbunyi:

“*Wa lillāhi al-‘izzatu wa li rasūlihi wa li al-mu‘minīn.*”

Ertinya: “Allah yang mempunyai kemuliaan, begitu juga rasul-Nya dan orang-orang *Mu‘minīn.*” (*Sūrat al-Munāfiqūn*: 8)

Inilah keistimewaan yang dianugerahkan Tuhan kepada orang-orang Muslimin. Orang-orang Islam tidak akan terhina di dalam agamanya. Di dalam akidah dan kepercayaan mereka tidak boleh ragu-ragu dan bertolak ansur, mempercayai sesuatu hukum yang diturunkan oleh Allah dan menolak setengah daripada hukum yang lain. Sikap orang-orang Islam yang demikian itu sangat dicela dan dikutuk oleh Allah dengan firman-Nya:

“*Afatu‘minūna bi ba‘dī al-kitābi wa takfurūna bi ba‘d, fa mā jazā‘u man yaf‘alu dhālika minkum illā khizyun ft al-ḥayātī al-dunyā wa yawma al-qiyāmati yuraddūna ilā ashaddī al-‘adhāb, wa mā Allāhu bi ghāfilīn ‘ammā ta‘lamūn.*”

Ertinya: “Adakah kamu percaya kepada setengah kitab dan kamu ingkar dengan yang lainnya? Maka tiadalah balasan bagi orang yang bersikap demikian melainkan kehinaan di atas dunia dan pada Hari Akhirat mereka akan dimasukkan

ke dalam seksaan yang pedih dan Allah tiada lalai dari segala apa yang kamu lakukan.” (*Sūrat al-Baqarah*: 85)

(Meskipun ayat di atas pada waktu turunnya ditujukan kepada kaum Banī Israel, tetapi hukumnya adalah meliputi keseluruhan kaum *Muslimīn* — P.)

Wahai ikhwān al-Muslimīn!

Setiap manusia Islam yang benar-benar beriman kepada Allah dan rasul-Nya, ia diwajibkan menentang segala sesuatu yang batil dengan segenap tenaga, jiwa dan hati nuraninya kebatilan itu sama ada merupakan penindasan-penindasan yang dilakukan oleh kaum penjajah, kekejaman-kekejaman yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi *Zionist* ataupun pencerobohan-pencerobohan yang dilakukan oleh puak-puak Komunis, ateis yang akan menodai kemuliaan, kesucian agama Islam dan penganut-penganutnya. Lantaran kesemua penindasan, kekejaman dan pencerobohan yang tersebut adalah merupakan penentangan terhadap Islam, setiap puak yang menentang Islam adalah dianggap musuh oleh Islam yang wajib ditentang habis-habisan oleh seluruh kaum Muslimin yang benar-benar cintakan Islam. Firman Allah dalam *sūrat al-Tawbah* ayat (14):

“*Qātilūhum yu‘adhdhibhum bi aydīkum’ wa yukhzhim wa yansurkum ‘alayhim wa yashfi ṣudūra qawmin mu‘minīn.*”

Ertinya: “Perangilah mereka, nescaya Allah akan menyeksa mereka dengan (perantaraan) tangan-tangan kamu dan Allah akan menghinakan mereka dan menolong kamu terhadap mereka serta melapangkan dada kaum *Mu‘minīn.*”

Ketahuiilah wahai saudara-saudaraku kaum Muslimin! Bahawa setajam-tajam senjata

¹ Perkataan sebenar ialah *yu‘adhdhibhumu Allāhu bi aydīkum.*

yang digunakan oleh musuh-musuh Islam dari zaman purba hingga ke zaman moden ini untuk menikam Islam, ialah dengan perantaraan orang-orang Islam yang bertopengkan agama, orang-orang inilah yang dinamakan kaum “*munāfiqīn*”. Mereka berpura-pura bekerja dan berjuang untuk kepentingan Islam, sedangkan di hati mereka tersembunyi perasaan-perasaan bencikan Islam; mereka memperjuangkan agama hanya berdasarkan hawa nafsu mereka sendiri, mereka, merayu orang ramai supaya melakukan kebaikan, sedang jiwa mereka bergelimang dengan perbuatan-perbuatan maksiat dan perbuatan-perbuatan yang mereka lakukan itu adalah bertentangan dengan apa yang mereka serukan. Inilah dia sifat-sifat orang “*munāfiqīn*”, yang sentiasa bekerja di sebalik tabir demi untuk meruntuhkan Islam.

Orang-orang dari golongan ‘*munāfiqīn*’ yang selamanya hidup di alam pura-pura ini sekali-kali jangan dipercayai, lantaran di jiwa mereka tidak ada sifat ikhlas dan berani, sedang kedua-dua sifat ini tidak akan dimiliki melainkan oleh orang-orang yang tertanam di jiwanya rasa keimanan yang mendalam dan akidah yang teguh. Buat mereka satu-satu kewajiban dan tanggungjawab yang diletakkan ke pundak mereka adalah mereka anggap satu bebanan yang akan menghalang mereka untuk melakukan sesuatu yang dikehendaki oleh kemahuan hawa nafsu mereka. Benar!. Pada zahirnya lidah mereka berkata: “Kami adalah orang-orang Islam, kami sentiasa bergantung kepada Allah, kami beriman dan

menganggap tinggi agama Islam.”

Tetapi apa yang mereka “ikrarkan” di lidah itu adalah bertentangan dengan apa yang mereka “*taṣḍīqkan*” dengan hati mereka.

Wahai sekalian hamba Allah!

Inilah suatu hakikat yang mendukacitakan kita orang-orang Islam, hakikat orang-orang Islam sendiri yang menikam agamanya dari belakang dengan berpura-pura menunjukkan keikhlasan hatinya terhadap Islam, berpura-pura berjuang, bertabligh dan berjihad untuk kepentingan umat Islam, sedang ia sendiri memandang ringan segala kewajiban yang dipertanggungjawabkan oleh Islam terhadap dirinya. Orang-orang dari golongan ini tak harus kita percaya, lantaran mereka adalah hidup di alam pura-pura yang semata-mata bertujuan untuk mengabui mata saudara-saudaranya orang Islam yang lain demi untuk mencari faedah dan kemuslihatan dirinya sendiri. Inilah di antara sebab-sebab mengapa orang-orang Islam dipandang rendah dan hina oleh orang-orang yang bukan Islam, sedang Tuhan sendiri mengakui: “Bahawa kamu (orang-orang Islam) adalah semulia-mulia umat manusia yang dilahirkan di muka bumi ini, lantaran kamu memerintahkan supaya mengerjakan kebaikan dan mencegah kejahatan dan kamu beriman kepada Allah.”

“Kuntum khayra ummatin ukhrijat li al-nās, ta’murūna bi al-ma’rūfi wa tanhawna ‘ani al-munkari wa tu’minūna bi Allāh.”

Oleh yang demikian kita hendaklah berhati-hati memperhatikan gerak langkah golongan orang-orang Islam yang hidup di alam pura-pura di kalangan masyarakat kita, supaya mereka tidak dapat

menjalankan tipu muslihat mereka yang selicin itu untuk memperdayakan kita bersama-sama masuk ke dalam golongan mereka.

Di samping itu kita hendaklah sentiasa bersikap sedia memperkukuhkan tenaga dan daya usaha bagi menghadapi angkara dan cabaran-cabaran dari musuh-musuh yang akan merosakkan keharmonian hidup kita di dalam satu masyarakat Islam yang mesti bersifat jujur, bersih, adil dan berani menghadapi segala sesuatu kemungkinan, agar supaya kita kembali dianggap sebagai satu umat yang mulia, umat yang mempunyai peradaban dan peribadi yang tinggi di mata dunia antarabangsa.

Umat Islam seharusnya menjadi satu umat “*waṣāṭā*”, umat pertengahan yang tidak memihak kepada blok Barat yang bertuhankan kebendaan dan tidak pula memihak kepada blok Timur yang tidak mahu mempercayai adanya Tuhan Maha Pencipta. Tetapi Islam mempunyai akidah yang bersendirian, mempunyai iman dan kepercayaan yang pokoknya mengakui keesaan Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* dan kerasulan Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, kepercayaan inilah yang dinamakan “akidah tauhid” hanya manusia yang di jiwanya telah tertanam “akidah tauhid” ini sahajalah yang sanggup mengabdikan dirinya terhadap *Khāliq* yang menjadikannya.

Sidang Jumaat yang mulia:

Berjihad dan berjuanglah kamu demi untuk kemuliaan Islam, tumpukanlah segenap tenaga dan jiwa raga kamu dalam pengorbanan menegakkan syiar Islam dan memperkembangkan